

BAB 2

BAB KEDUA

FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM

2.1 PENGENALAN

Perbincangan dengan ibadah terlalu luas terlibat dalam konteks kajian ini. Pengkaji hanya menyentuh tentang falsafah ibadah kerana fokus kajian ini adalah tentang kefahaman dan penghayatan pelaksanaan ibadat khusus Saudara Kita dan melihat Saudara Kita sama ada boleh menghayati falsafah ibadah dengan baik. Dengan demikian, bab ini akan membincangkan secara ringkas tentang falsafah ibadah khusus yang merupakan rukun Islam iaitu ibadah solat, zakat, puasa dan haji dari segi pengertian setiap ibadat dan pensyariatannya dalam Islam dan di samping menghuraikan hikmah dan manfaatnya.

Ibadah khusus merupakan fokus perbincangan dalam kajian ini. Ia juga merupakan ibadah wajib dalam kehidupan setiap individu muslim setelah terikat dengan pengakuan dua kalimah syahadah. Sesungguhnya, ibadah merupakan hak Allah SWT secara mutlak, maka dengan ini ibadah khusus merupakan satu bentuk pengabdian diri seorang hamba kepada Allah secara langsung untuk mendapatkan keredhaanNya.

Secara umumnya, ibadah khusus merupakan perintah-perintah yang wajib dilakukan sebagaimana yang terkandung dalam rukun Islam seperti solat, puasa, zakat, haji dan beberapa amalan khusus seperti tilawah al-Quran, zikir dan seumpamanya.

Manakala secara khususnya, ibadah yang khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji dan sebagainya adalah untuk mempersiapkan individu menghadapi ibadah yang umum yang mesti dilakukan di sepanjang kehidupan. Ibadah solat mengingatkan manusia lima kali sehari bahawa sesungguhnya manusia adalah hamba Allah dan hanya kepadaNya tempat pengabdian untuk mengeratkan hubungan manusia dengan Allah SWT. Ibadah puasa menimbulkan perasaan taqwa kepada Allah sehinggakan manusia itu sendiri tidak membatalkannya walaupun bersendirian. Ibadah zakat pula mengingatkan kepada manusia bahawa harta yang diperolehi adalah amanah dari Allah. Di dalam harta ada hak-hak orang lain yang mesti ditunaikan. Manakala ibadah haji menimbulkan perasaan cinta dan kasih kepada Allah di dalam hati dan kesediaan untuk berkorban keranaNya.

2.2 FALSAFAH IBADAH SOLAT

2.2.1 Pengertian Solat

Solat adalah asas yang terpenting setelah dua kalimah syahadah. Ia merupakan tiang agama. Yang pertama dihisab atau dihitung dari amalan seorang hamba pada hari kiamat adalah solatnya. Solat adalah ibadah yang dikerjakan pada waktu-waktu yang telah ditentukan. Firman Allah SWT :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٢٣﴾

Maksudnya : Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman.

(Surah al-Nisa' (4) : 103)

Di dalam ibadah solat juga tersimpan seribu satu hikmah yang dapat mengisi ruang-ruang yang telah terhakis dalam minda, jiwa dan keperibadian. Dengan memahami hikmah-hikmahnya akan meneguhkan lagi keyakinan dalam diri bahawa manusia hanyalah seorang hamba yang sentiasa berharap dan memohon pertolongan kepada Allah SWT. Inilah hakikat dari ibadah solat, sekiranya manusia mahu menerima kenyataan bahawa Allah SWT sahajalah tempat mengadu dan meminta pertolongan. Ini Sinonim dengan pengertian solat yang diberikan oleh Dr. ‘Abd Allah al-Ṭayyār¹ dalam penulisannya iaitu solat adalah hubungan antara hamba dan Tuhannya, yang menunjukkan hubungan hambaNya penuh dengan ketaatan, kecintaan dan kepatuhan serta ketundukan kepada Tuhannya.

Sesungguhnya solat adalah kewajipan Allah kepada hambaNya, solat adalah tiang agama, membezakan di antara kafir dan muslim, syarat kejayaan dan penjaga kepada keimanan. Dan sesungguhnya Allah SWT juga meyebutkan bahawa ia juga adalah syarat-syarat asas kepada hidayah dan taqwa. Maka Allah SWT berfirman² :

الْم ﴿١﴾ ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾
الَّذِيْنَ يُؤْمِنُوْنَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيْمُوْنَ الصَّلٰوةَ وَمِمَّا رَزَقْنٰهُمْ
يُنْفِقُوْنَ ﴿٣﴾

Maksudnya : Alif, Laam, Miim. Kitab al-Quran ini, tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa. (iaitu) mereka yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta

¹ Dr. ‘Abd Allah bin Muḥammad bin Aḥmad Al-Ṭayyār (2006), *Khulāṣah al-Kalām fī Arkān al-Islām*, Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmīyah wa al-Awqāf wa al-Da’wah wa al-Irshād, h. 81.

² ‘Abū al-Ḥasan Alī al-Ḥasanī al-Nadwī (1974), *Al-Arkān al-Arba’ (al-ṣolāh, al-zakāh, al-ṣawm, al-ḥajj fī Du’ al-Kitāb wa al-Sunnah Muqārānah maa’ al-dīyanah al-ukhrā*, (t.t.p : t.p), c. 3, h. 25-26.

membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

(Surah al-Baqarah (2) : 1-3)

2.2.2 Hikmah Solat Dalam Islam

Allah mensyariatkan ibadah solat adalah kerana di dalamnya tersimpan seribu satu hikmah yang akan meneguhkan keyakinan dalam diri, masyarakat, pendidikan dan kesihatan. Solat adalah ibadah yang berkaitan dengan akidah dan iman di mana ia merupakan makanan kepada iman dan menambahkan lagi keimanan. Solat juga merupakan ibadah yang menunjukkan kepatuhan yang penuh ikhlas seorang hamba terhadap Allah SWT³. Solat mendidik jiwa, menajamkan nurani, menerangi hati melalui kebesaran dan keagungan Allah SWT yang tertanam dalam sanubari. Selain itu, solat juga mempercantikkan keperibadian manusia dan menghiasinya dengan akhlak mulia. Solat juga mencegah perbuatan keji dan mungkar. Solat yang dilaksanakan seorang hamba dengan hati yang ikhlas dan menunaikannya dengan sempurna, dapat menghapuskan dosa, kesalahan dan menaikkan darjat. Allah SWT berfirman:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبَنَّ
السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرِي لِلذَّاكِرِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya : Dan dirikanlah sembahyang (Wahai Muhammad, Engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan

³ Muḥammad al- Zuhailī, (2007), *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, juz. 1, Damshiq : Dār al-Qalam, h.150.

kejahatan. perintah-perintah Allah Yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.

(Surah Huud (11) : 114)

2.3 FALSAFAH IBADAH ZAKAT

2.3.1 Pengertian Dan Pensiariatan Zakat

Zakat adalah salah satu rukun Islam dan salah satu kewajibannya. Sebagaimana terungkap dalam firman Allah SWT :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ

Maksudnya : Dan dirikanlah sembahyang, tunaikan zakat; dan taatlah kepada rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

(Surah al-Nur (24) : 56)

Secara etimologi, zakat bererti tumbuh dan tambah, berkat dan banyak⁴. Sedangkan secara terminologi, zakat bererti hak kewajipan dalam harta yang tertentu yang sudah sempurna *haul* diberikan kepada golongan yang tertentu dalam waktu yang tertentu⁵. Zakat adalah wajib dan difardhukan Allah SWT ke atas setiap muslim yang memiliki harta yang sudah sampai *niṣab* daripada harta tersebut yang telah ditetapkan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh hukum Islam⁶. Sebagaimana firman Allah SWT :

⁴ *Ibid.* , juz. 2. h. 11.

⁵ Ṣalih ibn Fawzān ibn ‘Abd Allah al-Fawzān (2001), *al-Mulakhkhaṣ al-Fiqhī*, juz. 1, Al-Riyāḍ : Ri’āṣah Idārah al-Buḥūth al-Ilmiyah wa al-Iftā’. h. 321.

⁶ Abū Bakr Jābir al-Jazā’irī (1964), *Minhāj al- Muslim : Kitāb ‘Aqā’id wa Ādāb wa Akhāq wa ‘Ibādāt wa Mu’āmalāt*, Bayrūt : Dār al- Kitāb al-‘Ilmiyah. h. 269.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا ۖ

Maksudnya: Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka.

(Surah al-Taubah (9) : 103)

Menurut pendapat majoriti ulama, zakat mula disyariatkan pada bulan Syaban dari tahun kedua hijrah. Di tahun tersebut zakat fitri diwajibkan pada bulan Ramadhan, sedangkan zakat mal diwajibkan pada bulan berikutnya iaitu Syawal⁷.

2.3.2 Golongan yang Berhak Menerima Zakat

Al-Quran menjelaskan asnaf yang berhak menerima zakat daripada golongan seperti yang disebut dalam firman Allah SWT :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا

وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ

وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۖ ﴾

Maksudnya : Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan,

⁷ Muḥammad al-Zuhailī, (2007), *op.cit.* , h. 12.

sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah (9) : 60)

2.3.3 Hikmah dan Faedah Zakat

Zakat mengandungi beberapa hikmah, baik bagi perseorangan mahupun masyarakat.

Di antara hikmah dan faedah zakat itu ialah⁸ :

1. Membersihkan diri manusia daripada sifat-sifat kedekut dan bakhil, pelahap dan tamak.
2. Melindungi harta daripada pembaziran dan penjenayah atau orang-orang yang jahat.
3. Menolong orang miskin dan orang yang memerlukan pertolongan, mengambil tangan mereka untuk bekerja jika mereka mampu, menolong mereka untuk hidup lebih baik jika mereka lemah dan meringankan beban fakir miskin dan meratakan nikmat Allah yang diberikan kepada manusia
4. Kewajipan untuk bersyukur kepada Allah SWT kerana nikmat harta sehingga nikmat itu bertambah.

Selain itu, zakat adalah ibadah harta yang dapat mendekatkan seseorang hamba kepada Allah SWT, apabila menunaikannya sesuai bentuk redha kepadanya dengan semata-mata mengharapkan keredhaan Allah tanpa bersikap riya' kepada orang ramai, maka hal ini menjadikan sebab dirinya selamat dari api neraka. Sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, Allah berfirman :

⁸ Wahbah al-Zuhaili (2004), *Al-Fiqh al-Islami wa Adalatuhu*, juz. 3, Damshiq : Dār al- Fikr. h. 1790-1791.

وَسَيُجَنَّبُهَا الْأَتْقَى ﴿١٧﴾ الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّى ﴿١٨﴾ وَمَا
 لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِنْ نِعْمَةٍ تُجْزَى ﴿١٩﴾ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ
 الْأَعْلَى ﴿٢٠﴾ وَلَسَوْفَ يَرْضَى ﴿٢١﴾

Maksudnya: dan (sebaliknya) akan dijauhkan (azab neraka) itu daripada orang yang sungguh bertaqwa. Yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan hartabendanya. Sedang ia tidak menanggung budi sesiapaupun, yang patut dibalas. Hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi. Dan demi sesungguhnya, ia tetap akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).

(Surah al-Lail (92) : 17-21)

Daripada ayat ini memberi maksud bahawa ia akan mendapat keselamatan dari azab api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga. Ganjaran ini diberikan kepada mereka yang mengeluarkan zakat semata-mata mengharapkan ganjaran Allah dan bukan mengharapkan pemberian atau riyka kepada mereka. Inilah bentuk keikhlasan kepada Allah yang ganjarannya yang akan diberi oleh Allah SWT.

2.4 FALSAFAH IBADAH PUASA

2.4.1 Pengertian Dan Pensyariatan Puasa

Secara etimologi, puasa bererti menahan diri. Manakala secara terminologinya, puasa adalah menahan diri dari segala sesuatu yang membatalkannya dari mulai terbit fajar hingga terbenam matahari, kerana perintah Allah SWT semata-mata, dengan disertai niat dan syarat-syarat tertentu⁹.

Puasa Ramadhan adalah salah satu sendi ibadat yang dilakukan pada bulan Ramadhan, selama satu bulan. Puasa Ramadhan telah difardhukan pada hari Isnin, bulan Syaban tahun kedua Hijrah. Sebelum itu, puasa telah diketahui oleh umat Islam sebelumnya dan juga ahli kitab yang hidup sezaman dengan Nabi SAW¹⁰.
Firman Allah SWT :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya : Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.

(Surah al-Baqarah (2) : 183)

⁹ Lajnah Tā'li'f al-Mua'sasah (1987), *Al-Ṣawm 'Ibādat wa Tarbiyah, al-Tab'ah al-Rābi'ah*, Al-Jumhūrīah al-Islāmīah fī Irān : Mua'sasah al-Balāqḥ. h. 12.

¹⁰ Abū Bakr Jābir al-Jazā'irī (1990), *Risālah Ramaḍān*, Al-Riyad : Maktabah Dār al-'Ashīmah, h. 24.

2.4.2 Hikmah, Rahsia dan Faedah Puasa

Setiap ibadah daripada ibadat-ibadat yang diwajibkan oleh Allah SWT kepada seperti solat, zakat, puasa dan haji dan sebagainya mempunyai faedah dan manfaat kepada diri dan sebagai *tarbiyah* kepada diri dan masyarakat. Maka kerana ini, Allah memerintahkan hambaNya beribadat kepadaNya dan ibadah solat merupakan salah satu daripada ibadah-ibadah yang boleh mengubah dan memperbaiki keperibadian diri dan masyarakat. Di antara hikmah dan faedah puasa ialah¹¹ :

1. Puasa menyucikan batin dan rohani manusia. Puasa boleh mengembalikan kesabaran dan kekuatan manusia. Puasa juga boleh mendidik diri dan terutama sekali dengan puasa manusia boleh mencapai ketaqwaan dalam diri mereka.
2. Memberi kesan kepada masyarakat kerana puasa dapat membentuk kesatuan *ummah*, berkasih sayang dan wujud persamaan. Puasa juga membentuk perasaan penyayang dalam diri manusia dan akhlak yang baik seperti melindungi masyarakat daripada kejahatan dan kerosakan.
3. Puasa memelihara kesihatan dan penyembuhan penyakit bagi orang yang berpuasa. Sesungguhnya dengan berpuasa memyucikankan usus dan perut, membersihkan badan daripada sisa-sisa dan sedimen-sedimen, mengurangkan berat dan lemak di dalam perut.

¹¹ Abū Bakr Jābir al-Jaz'āirī (1964), *op. cit.*, h. 284.

2.5 FALSAFAH IBADAH HAJI

2.5.1 Pengertian Haji

Menurut bahasa, haji bererti bertujuan untuk mengunjungi¹². Menurut syarak, haji bererti mengunjungi Ka'abah untuk beribadat kepada Allah SWT dengan rukun-rukun tertentu dan beberapa syarat tertentu serta beberapa kewajibannya dan mengerjakannya pada waktu tertentu¹³. Ibadah haji difardhu pada tahun kesembilan Hijrah¹⁴. Haji adalah rukun Islam yang kelima yang wajib dikerjakan oleh setiap muslim, baik lelaki mahupun perempuan apabila ia telah memenuhi syarat-syaratnya dan kewajiban naik haji itu bagi setiap muslim hanya sekali seumur hidup. Allah SWT berfirman :

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ﴿٩٧﴾

Maksudnya : Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia kepada Allah, iaitu bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke Baitullah.”

(Surah ali-Imran (3) : 97)

2.5.2 Manfaat dan Keutamaan Ibadah Haji

Hikmah pensyariatannya ibadah haji ini dijelaskan sebagaimana firman Allah SWT :

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا

¹² Mahmūd ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Mun’im (1999), *Mu’jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhīyah*, juz. 1, Dār al-Faḍīlah. h. 550

¹³ Wahbah al-Zuhailī (2004), *op. cit.* h. 2064-2065.

¹⁴ Ṣalih ibn Fawzān ibn ‘Abd Allah al-Fawzān (2001), *op. cit.* , h. 398.

ٱلْبَآئِسَ ٱلْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾ ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُدُورَهُمْ
 وَلِيَطُوفُوا بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya : Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa binatang ternak (untuk dijadikan korban) ; maka makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin. Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf sekeliling Baitullah (Kaabah) yang tua itu.

(Surah al-Hajj (22) : 28-29)

Maka manfaat daripada haji adalah kembali kepada hamba dan bukan kepada Allah SWT kerana Allah Maha Kaya yang tidak memerlukan sesuatu di alam semesta ini. Maka bukannya haji memerlukan kepada jemaah haji seperti mana manusia memerlukan apa yang diinginkan, bahkan mereka yang berhajat kepada haji. Maka mereka datang kepadanya kerana mereka yang memerlukannya¹⁵. Ibadah haji adalah rukun Islam yang kelima yang mempunyai nilai-nilai yang istimewa, antara impak yang dapat dilihat dari ibadah tersebut ialah:

- a. Haji menjadikan seseorang sedia untuk berkorban.
- b. Haji memperkukuh jiwa tauhid.
- c. Haji mengingatkan akan kematian.
- d. Haji mengikis sifat egois dan sombong.

¹⁵ *Ibid.* h. 398.

- e. Haji mendorong untuk menteladani perjuangan para nabi.

2.6 TOLERANSI DALAM PELAKSANAAN IBADAH FARDHU TERHADAP ORANG YANG BARU MASUK ISLAM.

Persoalan toleransi dalam pelaksanaan ibadah solat fardhu tidak terlepas dari perbincangan mengenai solat fardhu orang yang baru masuk Islam iaitu muallaf. Justeru itu, terdapat beberapa persoalan yang sering timbul mengenainya iaitu antaranya, sejauh mana Syariah Islam bertoleransi dengan orang yang baru masuk Islam dari sudut pelaksanaan mereka dalam ibadah solat fardhu.

Solat adalah satu perintah agama yang mempunyai pengkhususan tempoh perlaksanaannya. Ia mempunyai waktu-waktu yang telah sedia diatur dan ditetapkan oleh Allah SWT, iaitu melalui firmanNya :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Maksudnya : Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

(Surah al-Nisa' (4) : 103)

Pelaksanaan ibadah solat fardhu adalah merupakan perintah wajib bagi seseorang selepas mengucap dua kalimah syahadah dan juga kepada orang yang baru masuk Islam iaitu muallaf. Maka solat fardhu adalah perintah dari Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh seseorang yang baru memeluk agama Islam. Maka dirasakan amat perlu diberikan garis panduan umum kepada para muallaf atau saudara baru tentang beberapa ciri khas hukum Islam yang kuat berhubungkait dengan persoalan ibadah solat fardhu dan sering menjadi dasar pertimbangan seseorang itu apabila

berhadapan dengan sesuatu kesukaran. Ciri-ciri khas hukum Islam yang dimaksud itu adalah kemaafan dan kelonggaran hukum yang diberikan oleh syariah kepada umatnya apabila berhadapan dengan lima suasana kehidupan seperti darurat, uzur, rukhsah, lupa dan tidak tahu.

Dalam konteks ini, pengkaji akan membincangkan tentang persoalan sejauh mana syariah bertoleransi dengan orang yang baru masuk Islam dari sudut pelaksanaan ibadah solat. Pengetahuan terhadap persoalan ini adalah penting bagi mengenal dan mengetahui sepenuhnya apakah tuntutan Islam kepada mereka yang baru masuk Islam apabila menghadapi satu-satu keadaan tertentu dalam ibadah solat fardhu dan apakah kemudahan serta kelonggaran hukum yang disediakan oleh syariat Islam kepada mereka dalam pelaksanaannya. Pengetahuan dalam bab ini juga amat penting untuk mengelak diri muallaf daripada menyalahgunakan kelonggaran hukum yang diberikan kepada mereka. Ini kerana mereka merasa sebagai muallaf, mereka akan mendapat kelonggaran atau diberi keringanan dalam sesuatu perkara sehingga meletakkan kemudahan hukum kepada mereka sendiri dengan tanpa berbekalkan ilmu yang secukupnya dan tanpa bertanya kepada yang lebih arif.

Sehubungan ini, pengkaji akan menghuraikan dua kaedah yang membawa kepada keadaan serta situasi yang menunjukkan bahawa Syariah Islam bertoleransi terhadap Saudara Kita dalam pelaksanaan ibadah solat iaitu:

A. المشقة تجلب التيسير (*Al-Mashaqqah Tajlibu al-Taysir*)

Berdasarkan dari kaedah ini المشقة تجلب التيسير (Kesulitan Membawa Kemudahan) menjelaskan prinsip syariah dalam toleransi dan keadilan serta menghindari kesempitan. Firman Allah SWT :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya : Allah mengkehendaki dari kamu kemudahan dan Dia tidak mengkehendaki darimu suatu kesukaran.

(Surah al-Baqarah (2) : 185)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya : Dia tidak sekali-kali menjadikan bagimu dalam agama suatu kesempitan.

(Surah al-Hajj (22) : 78)

Makna kaedah ini adalah memberi pengertian bahawa kesulitan itu menjadi sebab kepada kemudahan, dan mesti adanya toleransi pada waktu kesempitan. Maka yang dimaksudkan dengan kesulitan (*al-mashaqqah*) di sini adalah kesulitan yang menghendaki adanya keringanan di dalam berbagai ketetapan hukum, iaitu kesulitan yang luar dari biasa. Adapun kesulitan yang biasa, maka tidak ada sebab untuk adanya keringanan¹⁶.

Kadang kala *mashaqqah* itu menyebabkan berubahnya ketetapan-ketetapan hukum syarak menjadi ketetapan hukum yang tidak disyarakan pada asalnya, seperti perbuatan-perbuatan orang yang dipaksa, orang yang lupa dan orang yang keliru (tidak sengaja)¹⁷. Maka kesukaran atau kesulitan di sini, dalam konteks pelaksanaan

¹⁶ Wahbah Zuhailī (1982), *Nazarīyah al-Darūrah al-Shar'iyah*, Bayrūt : Mua'sasah al Risālah, h. 195-196.

¹⁷ *Ibid.*, h. 200.

solat fardhu ialah suasana-suasana sukar, sulit dan susah yang menghalang seseorang itu daripada dapat mendirikan solatnya secara sempurna lagi tepat. Apabila berhadapan dengan suasana sebegini, syaria Islam memberikan beberapa kelonggaran hukum kepada orang yang baru masuk Islam yang dibebani dengan kesukaran atau kesulitan itu tetapi syaria tidak mengangkat kewajipan solat dari orang tersebut, lelaki mahupun wanita.

Dalam mendirikan solat adalah merupakan yang paling utama, Allah menetapkan adanya keringganan di dalamnya. Bagi orang yang baru masuk Islam yang menghadapi kesukaran dalam melaksanakan ibadah solat fardhu. Antaranya, dari sudut bacaan. Orang yang baru masuk Islam tidak tahu dan tidak mampu membaca bacaan dalam solat. Mereka dibolehkan dengan sekadar membaca سبحان

الله seperti dijelaskan dalam hadith ini¹⁸ :

قال (جاء رجال الى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : لا أستطيع أن اخذ
من القرآن شيئاً فعلمني ما يجزئني منه فقال : قل سبحان الله والحمد لله ولا
اله الا الله والله أكبر ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم الخ)

Maksudnya : Seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah SAW, katanya : Aku tidak mampu menghafal sesuatu dari ayat-ayat al-Quran, maka ajarilah aku sesuatu dapat mencukupi! Maka Rasul pun bersabda, ” Katakanlah : Maha suci Allah, Segala Puji milik Allah, tidak ada Tuhan kecuali dengan pertolonganNya”. (HR. Abu Daud)

¹⁸ Abū al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Azim Ābadi (1968), ‘*Awn al-Ma’būd Sharh Sunan Abī Daud*. No hadith 817, jil. 3, Dār al-Fikr. h. 60-61.

Walaupun bagaimanapun, kelonggaran seperti ini tidak dibenarkan untuk sepanjang masa kerana kemampuan untuk mempelajari kalimah ini tidak sama dengan kemampuan untuk mempelajari surah *al-Fātiḥah*. Bahkan ini dijelaskan bahawa ia tidak mampu untuk mengetahui sesuatu daripada al-Quran pada masa tersebut iaitu telah masuk waktu solat¹⁹.

Selain itu, dari sudut pelaksanaan atau perlakuan ibadah solat. Orang yang baru masuk Islam dimaafkan sekiranya berlaku kesalahan dalam pelaksanaan ibadah solat semasa mengikut perlakuan imam dan dibenarkan untuk melihat perlakuan imam bagi mengetahui cara solat. Mereka juga dibenarkan dan dimaafkan melihat gambar tentang cara melaksanakan solat apabila solat bersendirian. Keadaan ini diberi kelonggaran kepada mereka adalah kerana mereka masih tidak mengetahui cara pelaksanaannya. Tetapi keadaan ini juga tidak dibenarkan untuk sepanjang masa. Mereka hendaklah menyegerakan untuk menuntut ilmu tentang ibadah solat seperti cara melaksanakan solat, rukun dan syarat solat, bacaan solat dan yang berkaitan tentangnya.

Orang yang baru masuk Islam juga diberi kelonggaran setelah mereka mengucapkan kalimah syahadah iaitu bertayamun sebelum solat untuk menggantikan mandi wajib dalam mengangkat hadas besar sebelum solat sekiranya waktu solat sudah hampir tamat. Sekiranya masa solat masih panjang, hendaklah mereka mandi wajib untuk mengangkat hadas besar. Ini juga merupakan daripada beberapa keringanan dalam syara' iaitu keringanan dengan jalan menetapkan beberapa *rukḥṣah*, dalam erti menetapkan beberapa *rukḥṣah* yang syar'i seperti sahnya solat dengan tayamum dalam keadaan seseorang berhadas²⁰. Bahawa sesungguhnya

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Wahbah Zuhailī (1982), *op. cit.*, h. 205.

adanya penetapan beberapa *rukhsah* di dalam Islam itu adalah merupakan dalil bahawa Islam tidak pernah melepaskan prinsip *samāḥah* (toleransi) dan kemudahan dalam mengajarkan tuntutan bagi dilaksanakan ketetapan hukum syarak²¹.

Kesemua ini tergolong dalam kelonggaran hukum yang diberikan oleh *al-Syariah* tetapi mereka semua tetap diwajibkan mendirikan solat tersebut dalam waktunya yang ditetapkan. Apabila seseorang itu benar-benar menghadapi suasana kesukaran seperti ini dan tiada pilihan lain untuk dia, maka solat yang didirikannya itu sekalipun tidak sempurna syarat-syarat dan rukun-rukunnya, ia tetap dikira sah dan tidak wajib diqadha semula apabila suasana kembali normal. Hanya sebahagian dari ulama'-ulama' Mazhab Shafie yang menyarankan supaya solat tersebut diqadha semula atas dasar hati-hati dan mengambil pilihan yang lebih selamat. Bagi setiap jenis ibadat itu mempunyai tingkatan *mashaqqah* yang sama, maka apa yang diutamakan oleh syarak adalah dapat diringankan dengan *mashaqqah* yang ringan²².

Firman Allah SWT :

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تَخْفَفَ عَنْكُمْ^ج وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

Maksudnya : Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumNya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

(Surah al-Nisa' (4) : 28)

²¹ *Ibid.* h. 206.

²² *Ibid.*, h. 202.

B. Ketidaktahuan Tentang Hukum (الجهل)

Tidak tahu atau jahil ialah ketidaktahuan tentang hukum-hukum syariah, baik keseluruhannya atau sebahagiannya. Ahli fiqh berkata²³ :

لا يقبل في دار الاسلام العذر بجهل الأحكام

Tidak diterima alasan ketidaktahuan tentang hukum dari orang yang berada di negeri Islam.

Berdasarkan kaedah ini, maka sesungguhnya ketetapan hukum syariah yang telah ditetapkan dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' tidak boleh bagi orang yang menetap di negeri-negeri Islam menggunakan alasan tidak mengetahui hukum. *Al-Suyūfī* berkata, “ setiap orang yang tidak mengetahui adanya pengharaman sesuatu yang diketahui oleh manusia umumnya, maka itu tidak diterima, kecuali jika baru menganut Islam atau tinggal di pedalaman yang jauh dari ulama di mana hal itu tidak pernah diketahui seperti pembunuhan, pencurian, minum arak, berbicara ketika dalam solat dan sebagainya yang tidak diketahui oleh manusia awam²⁴.

Kemaafan syariah Islam kepada sijahil bergantung kepada jenis apakah ilmu hukum yang tidak diketahuinya dan suasana apakah ketidaktahuan itu berhubung-kait²⁵. Pertama yang perlu ditekankan bahawa menuntut ilmu itu adalah perintah wajib dalam Islam, dari sabda Nabi SAW²⁶ :

²³ Imām Abī Ḥāmid al-Ghazālī (2008), *Al-Mustasfā Min 'Ilm al-'Uṣūl*, Beyrut : Dār al- Kitāb al- 'Ilmiyah. h. 55.

²⁴ Wahbah Zuhailī (1982), *op. cit.*, h. 112

²⁵ *Ibid.*, h. 111.

²⁶ Imam Ibnu Majah dalam kitab Sunannya, disahihkan oleh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī (1988) dalam *Sunan Ibnī Mājah*, no. hadith 224, Beyrut : Al-Maktab al-Islāmī. h. 17.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

(رواه ابن ماجه)

Dari Anas ibn Malik r.a ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Menuntut ilmu itu adalah kewajiban bagi setiap orang Islam “

(HR. Ibn Majah)

Hadith ini walaupun nampak singkat lagi ringkas namun ia adalah satu perintah yang wajib meliputi di atas setiap individu muslim lelaki dan perempuan. Meninggalkan kewajiban menuntut ilmu akan membawa kepada dosa yang menimpa, samada dari kelalaian penuntutan ilmu itu sendiri atau melalui amal-amal ibadah yang dilakukan tanpa kaedah ilmu yang sebenar.

Mukmin yang berilmu adalah bagaikan bulan yang kedudukannya menjadi ukuran ramai dan sinarnya pula menjadi penyuluh umat manakala ahli ibadah hanyalah bagaikan titik-titik cahaya di langit, sekalipun banyak tetapi tiada manfaatnya samada kepada dirinya atau kepada orang lain.

Para ahli usul seterusnya membahagikan ilmu-ilmu agama itu kepada tahap keutamaannya dan sekadar mana kewajiban menuntutnya secara lebih terperinci. Pertama ialah ilmu yang bersangkutan dengan keesaan, ketauhidan Allah *Azza wa Jalla*. Ini juga dikenali sebagai ilmu aqidah atau ilmu tauhid. Dengan ilmu ini kita dapat mengenali Yang Maha Pencipta dan Yang Maha Hak untuk disembah dan ini adalah merupakan asas Islam itu sendiri. Tanpa aqidah tauhid yang betul

maka tiada guna solat yang berbilang dan zikir yang beribu-ribu. Kewajipan menuntut ilmu aqidah adalah yang tertinggi dan para ahli usul tidak mrmberikan kelonggaran dalam bab ini kerana betul atau salah melibatkan isu syurga atau neraka²⁷. Ilmu aqidah Islam bukanlah sekadar menyakini Allah SWT adalah Tuhan yang satu dan patung-patung itu bukan sembah yang hak, atau bukan sekadar mengetahui sifat Allah yang 20, tetapi ia melibatkan pengetahuan terhadap segala jalan-jalan yang membawa kepada mentauhidkanNya dan segala jenis perbuatan yang mensyirik dan menyekutukanNya. Mengkaji ilmu aqidah tersangatlah luas lingkupannya dan tidak ada titik noktahnya memandangkan umat Islam sentiasa terdedah secara dinamis kepada pelbagai cara hidup yang dicampuri dengan agama dan adat luar yang banyak mempunyai unsur syirik di dalamnya.

Kedua ialah ilmu yang bersangkutan dengan syariat hukum-hakam Islam yang masyhur dikenali sebagai ilmu Fekah atau Fiqh. Kewajipan menuntut ilmu dalam bab fiqh adalah tetap wajib tetapi kewajibannya tidak menyeluruh kepada semua cabang-cabang fiqh. Umumnya seseorang muslim hanya diwajibkan mengetahui ilmu fiqh yang berkaitan dengan ibadah hariannya seperti mandi wajib, wudhu', solat, puasa, aurat, hukum-hakam haid bagi wanita, perhubungan suami isteri, menegak yang *maarūf*, menghindari yang mungkar dan seterusnya. Mengetahui ilmu fiqh ibadah harian bukan sekadar mengetahui bahawa solat itu wajib 5 kali sehari tetapi termasuk segala cara-cara perlaksanaan dan hukum-hakam berkaitan dengan solat. Demikian juga dengan ibadah-ibadah harian selainnya, seseorang itu wajib berusaha sedaya mampu mental dan fizikal untuk mendalami ilmu-ilmunya.

²⁷ Wahbah Zuhailī (1982), *op. cit.*, h. 125-126.

Ini kerana hal ibadah harian adalah asas syariah keislaman seseorang itu yang hadir di setiap masa dan suasana dan oleh itu adalah wajib bagi seorang muslim mengetahui selok belok tuntutananya. Bukanlah menjadi kelonggaran agama bagi seseorang itu mengabaikan ilmu-ilmu ini dan ketidaktahuan dalam bab ini adalah perbuatan kesengajaan diri yang bukan merupakan satu kemaafan ke atasnya²⁸. Berbeza dengan hal ibadah dan fiqh lain yang tidak hadir setiap masa bagi umat umumnya seperti hukum perundangan atau hukum talak, nikah dan cerai, maka ini tidak diwajibkan seseorang itu mendalami ilmu-ilmunya. Bab ini dikategori sebagai ilmu fardhu kifayah dan adalah memadai dalam satu-satu kelompok masyarakat itu ada pihak yang pakar terhadapnya.

Ketiga ialah kewajipan mengetahui ilmu syariah fiqh dalam bidang atau jurusan duniawi yang diceburi seseorang itu. Yang dimaksudkan ialah seorang peniaga wajib mengetahui ilmu-ilmu jual-beli Islam, seorang doktor wajib mengetahui ilmu-ilmu kemanusiaan Islam dan batas-batas tindakannya, seorang pegawai bank wajib mengetahui ilmu-ilmu perbankan Islam, orang yang kerjayanya melibatkan hak orang lain wajib mengetahui ilmu-ilmu Islam sesama manusia dan orang yang selalu bermusafir wajib mengetahui ilmu-ilmu Islam berkenaan musafir. Ini adalah kerana bidang yang diceburi seseorang adalah merupakan tanggungjawabnya, samada ke atas dirinya atau orang lain di bawahnya maka adalah menjadi satu kewajipan bagi dia mengetahui ajaran syariah Islam dalam bidang jurusannya itu. Ketidaktahuan dalam bidang yang diceburinya adalah perbuatan kesengajaan yang dikira sebagai kemaksiatan dan kedurhakaan terhadap amanah yang dipeganginya²⁹.

²⁸ *Ibid.*, h. 118.

²⁹ *Ibid.*, h. 125.

Walhasil daripada huraian para ahli fiqh di atas, kita lihat Syariat Islam tidak mudah memberikan kemaafan kepada ketidaktahuan hukum bagi umat Islam. Kemaafan hanya terbuka kepada mereka yang baru memeluk Islam atau yang hidup di suasana pendalaman tetapi kemaafan ini bersifat sementara, bukan selamanya. Dua golongan ini tetap wajib menuntut ilmu sepantas mungkin sedaya mampu. Kemaafan juga diberikan kepada ketidaktahuan terhadap sesuatu yang terselindung asal hakikatnya akan tetapi menjauhi perkara ragu-ragu sebegini amat ditekankan.

Kesimpulan

Dari huraian ringkas ini menampakkan kepada kita bahawa Islam dan syariatnya amat bersikap toleransi dan memahami akan kondisi serta tuntutan umatnya. Walaupun keseluruhan syariat itu diturunkan kepada manusia bagi memelihara kemaslahatan dan menghindar kemudaratan tetapi *al-Syariah* sedar akan kedudukan umat yang sekali-sekala terjatuh ke suasana kehidupan yang bukan normal. Maka dengan itulah *al-Syariah* memberikan kelonggaran dan kemudahan dari beberapa segi dan sudut, semuanya disediakan bagi tujuan tetap menjaga kemaslahatan dan menghindar kemudaratan umat dalam kondisi sedemikian. Setiap kondisi itu dijelaskan situasinya dan dikategorikan kedudukannya dan setiap kedudukan itu mempunyai tahap-tahap dan syarat kelonggaran hukumnya. Untuk seseorang individu muslim itu mempraktikkan kemudahan agama dalam kondisi sebegini dia wajib tahu apakah yang dibolehkan, apakah yang dimaafkan dan sekadar mana kebolehan dan kemaafan itu diberikan.

Apabila seseorang itu menghadapi kesulitan atau kesukaran untuk menyempurnakan solatnya secara lengkap mengikut setiap hukum dan rukunnya, dia tetap diwajibkan mendirikan solat tersebut pada waktunya. Syariat Islam memberi pelbagai kelonggaran hukum bagi kes seperti ini tetapi ia tidak mengangkat kewajipan solat tersebut daripada dilaksanakan tetap pada waktunya.

2.7 KESIMPULAN

Sesungguhnya Islam adalah agama yang sempurna kerana ia mencakupi segenap aspek kehidupan. Dalam Islam seluruh pekerjaan itu adalah dikira ibadah sekiranya memenuhi segala peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi ajaran Islam ibadah-ibadah yang dilakukan terutama ibadah khusus sebenarnya tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia kerana impak atau kesan ibadah itu sangat besar kepada kehidupan seseorang muslim, sama ada di dunia mahu pun akhirat. Bagi setiap seorang muslim kehidupan ini adalah untuk dunia dan akhirat kerana dunia ini adalah ibarat ladang tempat bertanam atau bercucuk tanam dan akhiratlah tempat menuai dan mengutip hasil. Ibadah merupakan pengabdian diri yang berterusan kepada Allah, mengamal serta mengikuti kehidupan sebagaimana yang ditentukan olehNya sepanjang masa. Keimanan menuntut manusia merealisasikannya di dalam kehidupan :

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ
الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ
تُوعَدُونَ

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan : ‘ Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): “ Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih, dan gembirakanlah mereka dengan (memperolehi) syurga yang telah dijanjikan oleh Allah kepadamu.”

(Surah Fussilat (41) : 30)